PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 22 BILANGAN 7 | RABU 16HB. FEBRUARI, 1977. | رابو 26 صفر 1397 | PERCHUMA

# D.Y.M.M. KORNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2 KAPADA 32 ORANG

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah mengorniakan bintang2 kebesaran dan kehormatan Negeri Brunei kapada 32 orang di-satu istiadat pengorniaan tersebut yang telah berlangsong di-Lapau di-sini pada pagi hari Khamis, 10hb lepas.

Dalam istiadat pengorniaan bintang2 dan pingat2 kebesaran itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah mengorniakan Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama kapada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB, DSNB, yang telah mendahului senarai pengorniaan.

Yang Mulia Dato Setia C.T. Miller, Timbalan Pesurohjaya Polis Diraja Brunei, telah di-korniakan Pingat Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama.

Tiga orang telah di-korniakan Pingat Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua kapada Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Major Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Hj Abdul Hamid, YM Awang E.F. Brown dan YM Awang R. Mushet.

Pingat Kebesaran Negeri Brunei, Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua telah di-korniakan kapada YM Awang E. Coupe, YM Awang Mohd Tahir bin Awang Metassan, YM Awg Abu Hurairah bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Mohd Taha dan YM Major Pengiran Abidin bin Pengiran Ahmad.

YM Major Pengiran Hasnan bin Pengiran Ahmad telah menerima kornia Pingat Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ketiga, sementara Pingat Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Ketiga pula di-korniakan kapada YM Captain - Abdul Rahman bin Mustapha.

Empat orang lagi telah juga di-korniakan Pingat Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Ketiga kapada YM Inspector Kanan Pengiran Salim bin Pengiran Wahid, YM WO II Mohammaed Azami bin Abdullah. YM WO II Norshah bin Abdullah dan YM Sgt Mahmud bin Haji Pauji.

Sa-ramai 17 orang telah di-korniakan dengan Pingat Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahgia Darjah Ke-empat kapada YM Lt G.M. Allan, YM WO II C.P. Bowes-Crick, YM Sgt Major Pengiran Damit bin Pengiran Mohd Tahir, YM Sgt Major Adam bin Abdul Rahman, YM Sgt Major Abdul Karim bin Udin, YM Sgt Pengiran Hashim bin Pengiran Omar, YM Sgt Awg Haji Abrulrahman bin Ali Akhbar, YM Sgt Abdul Hamid bin Suriadi, YM Sgt Pengiran Ali bin Pengiran Bustaman, YM Sgt Pengiran Momin bin Pengiran Haji Besar, YM WO II Alias bin Md Salleh, YM WO II Awang Jaya bin Mohamad, YM WO II Mohammad bin Serudin, YM S/Sgt Sain bin Tarang, YM Sgt Hamdan bin Amba, YM Sgt Abd Karim bin Muhammad dan YM Sgt Roslee @ Lingkok bin Ahad.

Turut hadhir dalam istiadat pengorniaan pagi itu termasok-lah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang James Davidson, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, Kerabat2 Diraja, Yang Teramat Mulia Wazir2, Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Cheteria2, Pengiran2, Pehin2 dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.



Kebawah Duli Yang Maha Mulia sedang mengorniakan Bintang Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama kapada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal dalam istiadat pengorniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Lapau Khamis lepas.

# Pg. Ratna Indera menjadi Pg. Sanggamara Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berkenan mengorniakan kenaikan pangkat gelaran kapada Timbalan Pegawai Pemerentah Battalion Kedua Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Indera Pengiran Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Pengistiharan kenaikan pangkat gelaran tersebut telah di-langsongkan sa-belum di-laksanakan istiadat pengorniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei di-Lapau di-sini pada pagi hari Khamis, 10hb Februari minggu lalu.

Yang Amat Mulia itu sekarang di-kenali sa-bagai Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja.

# 13 achara Sokan Ria termasok untok wanita

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-banyak 13 achara akan di-pertandingkan dalam Sokan Ria pada 20hb Februari ini dan 4 daripada-nya ia-lah untok kaum wanita khas bagi isteri dan anak2 pasokan yang mengambil dalam bahagian pada hari itu Sokan Ria yang akan di-langsongkan di-Padang Besar di-sini ia-lah sempena memperingati hari Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, ka-Negeri Brunei pada hari Selasa 29hb Februari, 1972 yang lalu.

Pada 19hb Februari ini satu perlawanan tarek kalat akan juga di-adakan sa-bagai memulakan achara Sokan Ria dan pada 22hb Februari hingga 13hb Mach depan perlawanan bolasepak.

Perlawanan tarek kalat yang di-jadualkan berlangsong bertempat di-Padang Besar sini, akan di-jalankan sa-chara pukol mati bagi 20 sa-pasokan dan 30 sa-pasokan.

Pasokan2 yang akan mengambil bahagian ia-lah: Pasokan DYMM Paduka Seri Baginda Sultan, Pasokan Wazir2 / Cheteria, Pasokan Pehin2 Menteri, Pasokan Menteri2 dan Pasokan Penghulu2 dan Ketua2 Kampong.

# P'usahaan Taraf Perintis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mengikut Undang2 Galakan Pelaboran 1975, dari Bab (3) Cheraian (3) perusahaan2 perintis dan keluaran2 perintis yang telah di-istiharkan baru2 ini oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei bahawa ia-nya di-fikirkan mustahak demi kepentingan awam untok menggalakan penubohan dan perkembangan perusahaan2 di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap di-Lembaga tersebut menyatakan kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa Taraf Perintis ini akan membolehkan sa-sebuah perusahaan yang di-istiharkan itu yang di-benarkan oleh Kerajaan mendapat pengechualian chukai menurut banyak pelaboran2 di-antara dua hingga lima tahun.

Perusahaan2 dan keluaran2 yang di-maksudkan dalam pengistiharan itu termasok-lah:

1) Perusahaan2 Perkhidmatan Makanan Kapalterbang yang mengeluarkan berbagai2 jenis makanan bagi sharikat2 penerbangan,

2) Perusahaan Simen untok keluaran2 simen,

3) Perusahaan Ubat2an bagi mengeluarkan berbagai2 jenis ubat, vitamin tablet, syrup dan lain2,

4) Perusahaan Tail Dinding Aluminium untok mengeluarkan tail Aluminium bagi dinding dan lain2 tail perhiasan, dan

5) Perusahaan Besi dan Steel bagi ,keluaran membuat/mereka barang2 besi dan steel—steel bars, angle iron, U-channel dan lain2.

Lihat muka 12

PELITA BRUNEI

16HB FEBRUARI, 1977

# DALAM MENGHADAPI PERISTEWA2 BUROK

PASTI-NYA akan terakam dalam sejarah perkembangan negara kita bukan saja perkembangan2 dalam bentok kesejahteraan, bahkan juga peristewa2 burok yang tidak mudah dari ingatan kita. Ingatan itu akan lebeh sukar untok di-lupakan oleh kalangan2 yang terlibat sa-chara langsong dalam peristewa2 yang menyayat saperti menyebabkan kematian dan kehilangan harta-benda, patah-nya dahan tempat bergantong hidup dan keadaan masa depan yang sukar untok di-ramal sama ada berchahaya umpama intan atau gelap umpama malam tanpa bulan tanpa bintang.

Memang sudah menjadi adat hidup di-dunia bahawa yang bersinar tidak harus memancharkan sinar sepanjang hayat, yang suka ada-lah mustahil tidak di-temukan dengan duka dan demikian-lah sa-terus-nya yang menandakan sifat berlawan itu pasti ujud saperti dari dalil yang lumrah bahawa sa-tiap pasang akan di-susuli surut dan sa-tiap yang hidup pasti akan mati. Sifat2 asasi hidup ini harus di-mterikan dalam jiwa dengan penoh rasa sedar dan tidak berpura-pura menghadapi-nya sambil mengingatkan betapa kuasa Allah yang tidak dapat di-tolak-tolak walau dengan apa pun pertahanan, hatta dengan harta dn hamburan wang ringgit yang di-sifatkan sa-bagai "tohan yang ke-dua" itu. Maka demikian-lah timbul-nya sa-suatu petaka itu pasti tidak akan dapat di-tolak, kerana ia sudah di-suratkan demikian. Ini ada-lah satu ujian yang besar dan juga petunjok kapada manusia supaya lebeh menyedari hakikat hidup yang sabenar-nya, lebeh2 lagi pada sa-tiap perkara atau benda yang tiada kekal sifat-nya. Bagi Umat Islm bahawa kedudokan yang sa-demikian itu bukan-lah suatu perkara yang asing, malah ia-nya merupakan sudut keimanan tentang keasaan dan kebesaran Ilahi dan maha berkuas memuteh-hitamkan sa-suatu itu, sedang benda2 dan yang hidup termasok manusia itu ada-lah pelaku2 yang masing2 mempunyai peranan sama ada burok, baik, manis atau masam. Dari perlakuan itu-lah memperlihatkan bentok2 hidup yang berbagai ragam. Dari-nya pula timbul beberapa bentok penyelanggaraan hidup yang tidak luput dari membentok berbagai peristewa.

Manusia yang beriman kuat terhadap keyakinan bahawa burok dan baik itu ada-lah datang-nya dari Allah, akan menghadapi peristewa2 itu dengan penoh takwa sambil terus kerazam dan menguatkan diri-nya untok menambahkan mutu keimanan-nya itu. Dan ia akan sentiasa menjauhkan diri-nya dari menchachi kekuasaan dan kebesaran Allah.

Bila berlaku sa-suatu peristewa, maka kita akan mendengar perkataan yang di-lapadzkan oleh orang2 kita yang antara lain2 berbunyi: "sudah nugaraha Tohan" atau "andang janji-nya damiatu". Ini-lah satu unsur tazi'at baik yang mungkin kurang di-sedari, tetapi ada-lah merupakan salah satu dari puncha sikap ramai orang2 kita yang menyebabkan kokoh-nya suasana yang aman lagi tenteram di-negara kita ini. Bila mendengar kematian lantas akan kita dengar lapadz yang memberikan gambaran keyakinan bahawa sa-tiap yang hidup itu akan mati. Ini lagi merupakan satu chontoh dari apa yang di-galakkan oleh Islam kapada penganut2-nya yang antara fungsi yang dapat di-rasakan ia-lah dari sudut ketenangan diri kita menghadapi satu2 peristewa itu.

Bagaimanapun, ada-lah sudah teradat bagi sa-siapa pun bahawa bila berhadapn dengan sa-suatu peristewa burok, timbul rasa panik dan kadang2 tidak dapat menguasai diri-nya, lebeh2 lagi bila peristewa burok itu menimpa ka-atas orang yang di-kasehi dan di-harap2kan. Bagi orang2 kita keadaan yang demikian itu tidak mudah berpanjangan terutama bila teringat bahawa burok dan baik itu ada-lah datang-nya dari Allah juga.

Kita turut merasa sedeh dan bersimpati terhadap apa yang di-alami oleh keluarga2 yang di-timpa oleh peristewa2 burok dan menyebabkan kematian serta kehilangan harta-benda. Mudah2an mereka akan dapat menguatkan iman kesabaran dalam menghadapi peristewa2 yang keras dan mengancham kehidupan itu. Dan yakin-lah bahawa Tohan itu akan sentiasa bersama2 dengan orang2 yang sabar. Namun demikian, usaha demi usaha ada-lah perlu untok menghindarkan diri kita dari di-timpa oleh sebarang peristewa yang menyedehkan.

# DARI DEWAN



Dari kiri: Yang Berhormat2 Pehin Datu Singamenteri, Dr. Awang Haji Johar, Pehin O.K. Seri Dewa dan Dato SLJ Awang Haji Talib.

## Kekurangan Doktor sedang di-usahakan

YANG Berhormat Pehin Datu Singamenteri Awg Arif bin Mujun menimbulkan tentang perkhidmatan bidan di-Kampong Labi yang yang di-sifatkan beliau tidak menchukopi.

Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan, Yang Berhormat Doktor Awang Haji Johar menjelaskan bahawa Kerajaan akan menambahkan lagi jawatan tersebut di-tempat yang di-maksudkan sa-baik sahaja kakitangan yang di-lateh dan di-tugaskan berkhidmat di-tempat yang tersebut di-dapati.

Menurut Dr. Hj. Johar lagi ada sa-bahagian kakitangan sa-telah berkhidmat di-bandar enggan pula di-tugaskan berkhidmat di-tempat-nya sendiri.

Wakil Daerah Temburong telah menimbulkan X-Ray bergerak supaya di-adakan di-daerah itu. Yang Berhormat Dr. Hj. Johar menerangkan bahawa perkhidmatan tersebut akan di-mulakan pada tahun 1977.

Wakil dari Daerah Pekan Tutong telah meminta supaya pehak Perubatan menempatkan sa-orang doktor di-Rumah Sakit Tutong.

Y.B. Dr. Haji Johar menegaskan bahawa jabatan beliau akan menempatkan sa-orang doktor berulang alek ka-Rumah Sakit Tutong buat sementara. Bagaimana pun tambah-nya, dua orang Pegawai Perubatan yang baru di-jangka akan di-tempatkan di-rumah sakit tersebut tidak lama lagi.

Yang Berhormat itu juga telah memberi tahu Dewan bahawa Kerajaan telah pun mengusahakan untok mendapatkan beberapa orang doktor lagi, bagi mengatasi kekurangan2 yang sedang dihadapi dalam jurusan itu.

---

Ketika Dewan Majlis sampai kapada peruntokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman telah bertanya apa-kah maksud satu peruntokan wang yang bertajok 'Bonus masok berkhidmat sa-mula'.

Pertanyaan wakil Yang Berhormat itu telah diterangkan oleh Yang Berhormat Pehin O.K. Seri Dewa Lt. Col. Dato Seri Pahlawan Mohammad dengan menyatakan bahawa bonus tersebut di-berikan kapada Anggota AMDB yang telah tamat perjanjian perkhidmatan-nya sa-lama lima tahun dan bersetuju pula menyambong sa-mula perkhidmatan mereka bagi tempoh sa-lama lima tahun yang berikut-nya.

Peruntokan AMDB bagi perkhidmatan tahun 1977 ini mendapat $302,946,068.

Sa-waktu menchadangkan "Undang2 Lalu-lintas Jalan Raya (Pindaan) 1976, Yang Berhormat itu menegaskan pendaftaran kereta untok kegunaan sosial atau perseorangan, maka ia-nya tidak boleh di-gunakan untok membawa penumpang untok mendapatkan bayaran sewa daripada penumpang yang di-bawa-nya itu. Kerana, katanya, lesen teksi ada-lah lebeh tinggi dari kereta bagi kegunaan biasa. Jadi-nya orang yang menjadikan kereta-nya sa-bagai teksi atau yang lebeh di-kenal teksi sapu itu, ada-lah salah mengikut undang2.

Sa-lain dari itu, jelas-nya, mengikut pindaan bab 54 yang baru dalam undang2 ini, ada-lah juga menjadi kesalahan jika sa-seorang itu menggunakan sa-buah kenderaan bermotor atau membenarkan sa-buah kenderaan bermotor untok di-gunakan sa-bagai perkhidmatan awam, melainkan dengan mempunyai lesen yang sah di-beri di-bawah bahagian ini.

Jika sa-seorang itu di-dapati thabit kesalahan, maka ia-nya boleh di-hukum penjara sa-lama satu tempoh yang tidak melebehi 6 bulan atau denda sa-banyak $2,500. atau kedua2 hukuman denda dan penjara.

---

Yang Berhormat Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Talib bin Derwish menjelaskan bahawa pembenaan jalan2 kechil di-kampong2 tentu akan di-baiki serta di-pelihara dari sa-masa ka-semasa. Apa yang perlu sekarang, katanya, ia-lah mendahulukan yang patut di-dahulukan.

Beliau menyakinkan Ahli2 Dewan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Kerja Raya, tidak akan mengabaikan soal tersebut, bahkan akan sentiasa mengkaji dan menilai dari segi keutamaannya.

Pemandangan salah sa-batang jalan raya kampong yang telah di-buboh minyak tar.



# MAJLIS

Harga ranchangan bagi hospital baru di-Kiulap telah pun di tambah supaya reka-bentok-nya nanti tidak akan mengalami kechachatan yang di-timbulkan oleh batasan2 peruntokan dalam had jumlah yang terlampau rendah. Kerja2 tapak terus di-jalankan pelan2 bangunan dan butir2-nya sedang lanchar diseleng-garakan.

Sa-buah masjid baru di-Jalan Muara sedang dalam peringkat pembenaan dan masjid2 yang lebeh kechil bentok-nya sedang di-ran-changkan di-seluroh negeri. Di-samping itu pula, sekolah2 ugama rendah sedang di-diri-kan bagi menampongi yang terdapat pada masa ini. Hal ini ada-lah pada menunaikan dasar Kerajaan bagi menga-dakan segala keperluan2 di-bidang keugamaan sama ada untok orang2 dewasa mahu pun untok kanak2.

Rundingan2 bagi menu-bohkan sa-buah perusahaan kertas pulpa yang pada mula-nya nanti akan menggunakan kayu-kayan dari hutan paya di-Negeri Brunei telah di-teruskan. Kerajaan telah mengambil berkhidmat per-unding2 untok menasehati mengenai dengan masaalah2 yang terlibat dari segi teknik, ekonomi, kewangan dan alam keliling dan ada-lah di-harap-kan bahawa ia-nya akan membuktikan bahawa usaha perdagangan yang boleh ber-tapak-maju serta berkekalan dapat di-tubohkan.

Kajian kemungkinan bagi sa-buah kilang membuat baja Ammonia/Urea yang di-cha-dangkan telah pun selesai dan sedang di-pertimbangkan oleh Kerajaan. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan su-paya projek2 sa-umpama ini akan dapat di-tubohkan di-kawasan Perindustrian Mua-ra yang mana sedang di-per-lengkapkan dengan perkhid-matan2 yang penting untok

# PERKEMBANGAN2 YG MENANDAKAN KEPESATAN PEMBANGUNAN BRUNEI



Y.B. Pegawai Kewangan Negara

perusahaaan2 yang berbagai jenis.

Lembaga Kemajuan Eko-nomi yang di-tubohkan oleh satu Undang2 yang di-lulus-kan dalam tahun 1975 sedang menjalankan tugas2-nya se-karang. Tanggongjawab-nya yang utama ia-lah menilai dari segi teknik dan ekonomi terhadap projek2 perindus-tarian yang di-chadangkan; dengan tujuan untok menak-sir peri faedah serta kemam-puan-nya untok bertapak-maju. Dengan chara ini ada-lah di-harapkan untok me-nubohkan jenis2 perusahaan yang akan dapat berkembang maju, untok mengadakan sumber2 pekerjaan dan untok memberikan satu sumbangan yang sa-benar-nya kapada ekonomi yang di pelbagaikan melalui sektor swasta. Pada masa ini terdapat banyak projek2 yang sedang di-per-timbangkan oleh Kerajaan.

Projek2 yang merupakan chiri Ranchangan Kemajuan yang lalu terus di-perbesar-kan dan di-kukohkan lagi supaya terdapat satu infra-struktur yang lengkap atas mana lain2 projek akan da-pat di-bena. Jalan2 raya sedang di-panjangkan lagi dan di-perbaiki, rangkaian bekalan ayer di-perluaskan dan pengeluaran serta pem-bahagian tenaga letrik di-tambah. Pembenaan lebeh banyak lagi rumah2 dan flat2 Kerajaan sedang di-perche-patkan bagi menemui pe-ngambilan kakitangan2 baru.

Pelabohan di-Muara seka-rang menjalankan gerakan2 dengan sa-penoh-nya dan ia-nya kian ternyata amat pen-ting bagi pengurusan segera barang muatan kapal, yang mana kebanyakan-nya dahu-lu telah di-angkut ka-mari oleh kapal2 lain di-Labuan. Usaha2 bagi memperbaiki lagi alat2 pemaliman ada-lah menjadi satu pokok rundi-ngan sa-buah kontrek yang sekarang hampir selesai dan rekabentok2 bagi mengada-kan pelampong2 alat2 adang dan tonggak2 lintas baru se-karang mendapat perhatian. Satu kaji-ukor dasar laut yang lanjut juga sedang di-jalan-kan.

Perkhidmatan Talikom se-dang di-perbaiki baik untok perhubongan luar mahu pun dalam negeri. Menjelang tahun 1977 satu sistem baru yang membolehkan pelang-gan2 talipon berhubong terus hingga ka-seluroh pelusok dalam Negeri Brunei akan di-perkenalkan yang dengan demikian halangan2 serta ke-lambatan2 yang di timbulkan oleh sistem yang terdapat ketika ini dapat-lah di-atasi. Ranchangan bagi membena sa-buah steshen satelait bumi sedang mendapat perhatian dan apabila bangunan itu siap kelak, maka pada ketika itu juga perkhidmatan2 luar akan bertambah baik.

Saya sunggoh berharap bahawa apa yang telah saya bicharakan ini akan mem-berikan satu pengertian ter-hadap kedudokan kewangan negeri ini dan juga menjadi satu tanda terhadap hasrat dan chita2 Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan bagi memperkukohkan lagi taraf hidup raayat serta pendudok Negeri Brunei.

Saya selalu menekankan tentang keazaman kita untok mempastikan bahawa ekono-mi negara akan di-berikan pendorong yang sa-banyak2-nya untok membolehkan-nya bertumboh dengan subor dan bahawa faedah2 yang men-churah2 datang-nya dari hasil pertumbohan ini akan dapat di-nekmati oleh semua. Ber beza dengan kebanyakan negeri2 di-dunia yang sedang dalam keadaan porak-peran-da oleh perbalahan2 politik dan kedudokan ekonomi yang bergonchang, Negeri Brunei di-rahmati dengan sumber2 asli yang terkaya dengan satu suasana politik yang tenang dalam mengusa-hakan-nya untok kebaikan kita bersama. Saya berharap kita akan senantiasa menge-nang tempoh pengusahaan kita ini dengan perasaan pe-noh kebanggaan.






Gambar atas memperlihatkan bangunan Masjid Mohammad Bolkiah yang letak-nya di-Kampong Delima Satu Berakas, Jalan Muara, sedang dalam pembenaan. Masjid tersebut di-anggarkan me-nelan belanja sa-banyak $2.8 juta.

Manakala gambar di-sebelah kiri pula memperlihatkan salah satu sudut pemandangan Pela-bohan Muara, yang kian hari semakin sibok dengan kerja2 pe-munggahan serta pengurusan se-gera barang2 muatan kapal sa-chara langsong dari negeri2 yang berkenaan, dan kerja2 sa-umpama ini dulu-nya telah di-bawa oleh kapal2 ka-Negeri Brunei melalui Labuan.



Y.B. Awang Haji Hanafiah

# DI-BRUNEI TIDAK ADA PADANG PASIR . . . .

YANG Berhormat Awang Haji Hanafiah bin Abdullah bertanya mengenai kerja2 memasang wire2 letrik dan kebel. Menurut-nya, kebanyakan kerja2 yang di-buat se-karang ini ia-lah menyambong wire2 di-atas tiang yang kemudian-nya di-ubah lagi kapada kebel untok di-tanam di-dalam tanah. Kerja2 sa-umpama ini, kata-nya ada-lah membuang masa dan merugikan.

Perkara ini di-jawab oleh Yang Amat Berhormat Men-teri Besar. Y.A.B. itu men-jelaskan jika di-pandang de-ngan mata kasar tentu-lah membuang masa, tetapi jika di-pandang dari segi tek-nik-nya, ia-nya merupakan satu perkara yang patut di-sesuaikan dengan keadaan tempat satu2 kawasan itu. Umpama-nya di-kawasan paya, tidak-lah boleh wire2 itu di-tanam dalam tanah.

Kemudian wakil kawasan Berakas itu membuat per-bandingan antara Brunei de-ngan Mekah. Menurut-nya, di-Mekah dia tidak pernah melihat wire2 bergantong di-atas tiang, semua-nya di-ta-nam dalam tanah. Tambah-nya lagi, orang2 di-Mekah tidak bagitu mahir dalam kerja2 ini tetapi mereka itu boleh berbuat demikian.

Di-sini, sa-kali lagi Yang Amat Berhormat menegaskan bahawa di-Mekah tidak ada paya dan di-Brunei pula ti-dak ada padang pasir, tentu-lah perlaksanaan-nya berlain-an; di-sambut dengan gelak ketawa ahli2 Dewan.

Yang Amat Berhormat itu juga menjelaskan bahawa da-lam tahun 1977 ini kerja2 untok meluaskan bekalan api letrik akan di-pergiat lagi daripada tahun yang sudah2 dan ini bererti kerja2 yang di-laksanakan itu sudah tentu berlipat ganda.

Mengenai dengan perun-tokan ganti-rugi Pejabat Let-rik, Yang Amat Berhormat itu menjelaskan bahawa yang di-maksudkan dengan ganti-rugi itu ia-lah ganti-rugi ka-atas harta benda orang ramai saperti menebang pokok buah2an yang terlibat dalam kerja2 melalukan wire atau kabel letrik yang mana ke-banyakan-nya terdapat di-kampong2.

# GUNAKAN MASA KA-ARAH SUDUT2 KEBERUNTONGAN DAN KEBAHAGIAAN

KITA sering mendengar orang berkata tentang masa. Masa itu di-ibaratkan emas. Masa itu di-umpamakan sa-bagai pedang yang kalau kita tidak memotong-nya ia akan memotong kita. Dan masa itu juga di-hubongkan dengan kehidupan sa-seorang bahawa arus masa lebeh banyak menghanyutkan sa-seorang daripada arus semudera.

Memang tidak dapat di-sangkal lagi bahawa kebahagiaan atau kechelakaan, keberuntongan sa-seorang ada berkaitan dengan sa-jauh mana sa-seorang itu menggunakan masa-nya. Perkara masa itu telah di-tegaskan oleh Allah dalam Surah Al-Baqarah yang kira2 erti-nya: "Demi masa. Sa-sunggoh-nya manusia itu dalam kerugian. Kechuali mereka yang beriman dan beramal saleh serta berpesan, dengan kebenaran dan berpesan dengan kesabaran".

Dari terjemahan firman Allah tadi, Allah telah bersumpah dengan masa, kerana masa itu mengandongi ibarat, chontoh tauladan kapada orang2 yang ingin memerhatikan-nya tetapi sa-jauh mana kita telah memerhatikan masa untok menjadi renongan. Renongan yang akan membawa kita kapada kebahagiaan dan keberuntongan. Apa yang sudah terang ia-lah apabila kita tidak menggunakan masa itu dengan sa-baik2-nya maka sa-sunggoh-nya kita pasti berada di-dalam kerugian.

Maka untok tidak menjadi orang2 yang rugi, bahkan supaya kita menjadi orang2 beruntong, Allah telah menunjokkan beberapa landasan yang patut kita ikuti di-antara lain ia-itu menjadi orang2 yang beriman dan beramal saleh. Kerana iman itu di-ibaratkan sa-bagai pohon, dan amal itu pula sa-bagai buah-nya. Sa-bagai misal: Perchaya kapada Allah tetapi belum, atau tidak berapa, mengerjakan sembahyang maka belum-lah sempurna iman sa-seorang itu. Atau sa-seorang yang konon-nya beriman kapada qadha' dan qadar tetapi maseh perchaya ada-nya hari nahas, hari sial atau hari bala menunjokkan iman-nya belum sempurna. Di-dalam Islam tidak ada hari nahas, tetapi ada hari sial atau hari bala. Di-sisi Allah semua hari ada-lah baik belaka. Tetapi tidak-lah di-nafikan bahawa ada di-antara hari2, atau malam atau bulan yang di-beri keutamaan, saperti bulan Ramadhan lebeh baik dari bulan2 yang lain. Malam lailatulqadar lebeh baik dari malam2 yang lain.




Jadi-nya baik atau buroknya nasib sa-seorang itu tidak ada sangkut paut-nya dengan masa, malah terbit dari perbuatan sa-seorang itu jua. Oleh itu sa-jauh mana amalan kita, akan menunjokkan sa-jauh mana keimanan kita dan demikian pula sa-baleknya.

Maka di-saat kita membangun negara kita, dan di-saat kita memperbaiki nasib kita sendiri mustahak-lah kita memperhatikan dan memastikan bahawa kita akan menggunakan masa itu dengan sa-baik2-nya sa-bagai misal: bekerja atau menchari nafkah itu walau pun suatu kewajipan, suatu yang di-suroh oleh ugama Islam, tetapi jika sudah keterlaluan sa-hingga kita melupakan kewajipan kapada Allah, kewajipan kapada masharakat maka bererti kita tidak menggunakan masa itu dengan sa-baik2-nya.

Jadi-nya penggunaan masa itu hendak-lah menyeluroh ia-itu supaya kewajipan kita kapada Allah, kewajipan kapada diri sendiri, kewajipan kapada masharakat dan kewajipan kapada negeri sama2 di-penohkan, sama2 di-laksanakan dan di-ambil berat.

# Memelok Ugama Islam

Sa-orang pemuda Tiong Hwa Awang Lawrence Tan Keng Hong telah memelok Ugama Islam, dengan memileh nama Islam-nya sa-bagai Awang Zainuran bin Abdullah, pada hari Sabtu 15hb Safar, 1397 bersama-an dengan 5hb Februari, 1977, jam 9.00 malam, bertempat di-rumah Pengiran Tajudin bin Pengiran Mumin, No. 66, di-Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara.

Majlis pengIslaman itu telah di-lakukan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan Mudim Dato Seri Utama Hj Ismail bin Matserudin, dengan di-saksikan oleh beberapa orang pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.



# Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 16hb Februari, 1977 sa-hingga ka-hari Selasa 22hb Februari, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 17hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 18hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 19hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 20hb Feb. | 12.40 | 4.00 | 6.38 | 7.49 | 5.05 | 5.20 | 6.34 |
| 21hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |
| 22hb Feb. | 12.39 | 3.59 | 6.38 | 7.49 | 5.04 | 5.18 | 6.33 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# *Sa-buah lagi rumah di-dirikan*

LAGI sa-buah rumah untok saudara2 baru kita yang memelok ugama Islam di-Daerah Temburong telah di-bangunkan awal bulan ini. Rumah tersebut yang akan di-huni oleh empat orang keluarga mualaf di-Kampong Sibut telah di-bangunkan oleh kira2 50 orang yang menyertai gerakan memuchang2 pada hari Khamis, 3hb Februari lalu dan di-ketuai oleh Kadhi Daerah Temburong, Dato Haji Ishak bin Adam.

Ia-nya juga telah di-sertai oleh beberapa orang anggota Askar Melayu Diraja Brunei yang ber pengkalan di-Temburong.

Pembenaan rumah itu ada-lah merupakan sumbangan yang kedua dari Majlis Ugama Islam Negeri Brunei kapada saudara2 baru kita di-mana rumah yang pertama telah juga di-bangunkan di-Kampong Semabat dalam bulan Januari lalu yang di-diami oleh tujoh orang keluarga.

Ini ada-lah merupakan sumbangan dan bantuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia menerusi Jabatan Hal Ehwal Ugama dalam usaha memperluaskan shi'ar ugama Islam di-negeri ini terutama pendudok2 pendalaman sesuai dengan kedudokan Islam sa-bagai Ugama Rasmi dan Ideoloji Negara kita darussalam ini.



# Usaha mengurangkan kemalangan

Dalam usaha mengurangkan kemalangan jalan-raya di-negeri ini sa-buah jawatankuasa telah di-bentok yang di-anggotai oleh enam orang ahli yang terdiri dari pegawai2 kanan Kerajaan dan ia-nya di-ketuai oleh Awang Alterskey, sa-orang Pegawai Pelajaran.

Jawatankuasa "Majlis Keselamatan Jalan-raya" yang di-bentok pada akhir bulan Januari itu akan berusaha untok mengurangkan jumlah kematian dari kian meningkat.

Dalam tahun 1976, sa-ramai 39 orang telah terkorban ia-itu me lebehi 23 orang dari jumlah kematian yang berlaku dalam tahun 1975.

Ada-lah di-harapkan ia-nya akan dapat menjalankan tugas2 tersebut dengan memberikan nasehat2 kapada pemandu2 dan lain2 pengguna jalan-raya terutama penjalan kaki.

Sementara itu pada hari Isnin, 31hb Januari, Awang Tinggal bin Saman dari Kampong Kiarong telah menjadi korban kemalangan yang kelima tahun ini. Allahyarham terlibat dalam satu perlanggaran dengan sa-buah kenderaan tentera di-Batu 19, Jalan Tutong. Allahyarham Awang Tinggal telah meninggal dunia di-Rumah Sakit Besar, Bandar Seri Begawan.

Oleh yang demikian, kita semua tentu tidak ingin di-makan korban, apa-tah lagi menerbitkan korban kapada pengguna2 jalan-raya yang lain.

Dari itu berikan-lah kerjasama yang erat kapada semua pehak terutama pada menjayakan tugas2 yang di-pikul kapada Majlis Keselamatan Jalan-raya.

ELAKKAN KEMALANGAN SA-TIAP MASA!
PANDU CHERMAT JIWA SELAMAT,
PANDU LAJU KUBOR MENUNGGU!



# $3m. in subsidies for rice and sugar in 1976

**In another all out effort to keep the prices of essential commodities down for the benefits of the people especially those in the low income group, the Government last year provided about three million dollars in subsidies for rice and sugar.**

**Subsidy for rice amounted to over 1.1 million dollars while for sugar it was 1.8 million dollars.**

The Acting Controller of State Stores and Supplies, Awang Zakaria bin Jeneh, released these and other figures in an interview with the Government Information Services this week.

With local rice production amounting to something like 20 per cent, the bulk of the rice continued to be imported from Thailand under an agreement with the Thai Government while the sugar was supplied by local importers on contract to the Brunei Government.

Awang Zakaria said Brunei bought 12,500 tons of rice and 5,000 tons of sugar at costs of 7.2 million and 5.4 million dollars respectively..

As a result of heavy Government subsidies since 1974 following world-wide price rises triggered by the energy crisis in the late 1973, the rice, a top variety, has been made available through local merchants to the public at the lowly price of $3.00 per gantang. The people in Brunei have been extremely lucky considering the high price consumers in other parts of the world have been paying for the same variety.

This was especially so at the start of the energy crisis when the price of rice went up as much as 300 per cent.

To cushion the impact of inflation the Government had to provide a 100 per cent subsidy for rice for the first time throughout 1974, enabling the public to buy it at half the actual price.

Subsidies for rice in 1974 and 1975 totalled more than 10 million dollars while for sugar they were about 6 million dollars.

But gradually as the price of rice somewhat stabilised the subsidies for this staple foodstuff was being reduced to its present level of about 18 per cent.

Awang Zakaria disclosed that a total of 11,780 tons of rice and 5,300 tons of sugar were sold to the public in 1976. To ensure constant supplies of these vital commodities, it has always been the policy of the Government to stockpile them sufficient for ten to twelve months.

He also revealed that in an effort to alleviate the shortage of meat in the country, the Government through the Agriculture Department last year imported 2,800 head of cattle at a cost of 3 million dollars landed in Brunei.

## Plant Disease

A plant disease called the Club Root which is caused by a fungus and attacks vegetables of the cabbage family has been discovered in two gardens in Kuala Belait.

The Agriculture Department announcing this said the disease has come to Brunei via contaminated seeds imported from Taiwan and Japan.

The vegetables affected include Kailan, Cabbage, Pak Choi, Choi Sam, Pet Tsai and Chinese Radish.

The department has advised vegetables farmers in the State to contact the nearest agricultural station if they find any abnormal swellings on the roots or if the plants are not thriving.



**H.H. The Sultan presenting the Deputy Commissioner of Police, Dato Charles Miller the First Class PSLJ.**

## 32 Honoured

His Highness the Sultan last week honoured thirty-two people with titles and awards at an investiture ceremony held at the Lapau in Bandar Seri Begawan.

The principle title went to the Deputy Commanding Officer of the Royal Brunei Malay Regiment Second Battalion, Lieutenant-Colonel Yang Amat Mulia Pengiran Ratna Indera Pengiran Ibnu. He is now known as Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja.

The Senior Religious Officer Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal received the First Class Darjah Seri Ugama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar, and the Deputy Commissioner of Police, Dato Charles Miller received the First Class Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa, PSLJ.

Three people received the Second Class DSLJ and four others the Second Class Darjah Paduka Mahkota Brunei, DPMB.

# RANCHANGAN tv BRUNEI MINGGU INI

TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our daily programme summaries.

### WEDNESDAY 16 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Lost in Space — Revolt of the Androids |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Lost in Sapce—cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | The Sweeney "I Want the Man" |
| 8.00 pm | Hogan's Heroes — Rise and Fall of Schultz |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Dunia Minggu Ini |
| 9.15 pm | Kung Fu—"Barbary House" |
| 10.05 pm | Show of the Week: "Helen Reddy Midnight Special" |
| 11.20 pm | Close Down. |

### THURSDAY 17 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Voyage to the Bottom of the Sea — "Blow Up" |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Voyage to the Bottom of the Sea — cont'd. |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | The Magician |
| 8.00 pm | Pot Black |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Hidayat |
| 9.15 pm | Tinjauan |
| 9.25 pm | Serbaneka |
| 10.15 pm | The Protectors — "Sugar and Spice" |
| 10.55 pm | Khan — "Lost Identity" |
| 11.35 pm | Close Down. |

### FRIDAY 18 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Murai |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Lost Saxer Ep. 1. |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | The Rolf Harris Show |
| 8.00 pm | The Odd Couple — "Scrooge Gets An Oscar" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Mutika |
| 9.20 pm | Pestarama |
| 10.00 pm | America Ep. 2 "The New Found Land" |
| 10.15 pm | Mystery Movie: Madigan "Lisbon Beat" |
| 12.20 pm | Close Down. |

### SATURDAY 19 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Sesame Street |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Sesame Street—cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Cannon — "The Wedding March" |
| 8.00 pm | Are You Being Served "Our figures are Slipping" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Suami Isteri |
| 9.30 pm | Star Soccer |
| 10.20 pm | Saturday Movie: "Mouse on the Moon" |
| 11.50 pm | Close Down. |

### SUNDAY 20 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Organ Concert — |
| 6.28 pm | Dr Who — "The Monster of Peladon" Ep. 3. |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Dr Who — cont'd. |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Six Million Dollar Man |
| 8.00 pm | Wilderness Ep. 2. "Mato Grosso" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Hiboran Malam Ini |
| 9.15 pm | Space 1999 "The Nark of Archanon |
| 10.05 pm | Armchair Theatre— "Anywhere Bud England" |
| 11.00 pm | Close Down. |

### MONDAY 21 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Land of the Giants "The Bounty Hunter" |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Land of the Giants cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Emergency "Equipment" |
| 8.00 pm | I Dream of Jeannie Who Are You Calling A Genie |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Majlis Perbinchangan |
| 9.30 pm | Hawaii Five O — "Will The Real Mr. Winkler Please Die" |
| 10.20 pm | Thriller — "The Double Kill" |
| 11.35 pm | Close Down. |

### TUESDAY 22 FEBRUARY

| | |
|---|---|
| 5.45 pm | Opening/Programme Summary |
| 5.48 pm | Koran |
| 6.00 pm | News Headlines |
| 6.02 pm | Sesame Street |
| 6.38 pm | Azan |
| 6.42 pm | Sesame Street—cont'd |
| 7.00 pm | English News |
| 7.10 pm | Mission Impossible— "Movie" |
| 8.00 pm | The Monkees — "Fairy Tale" |
| 8.30 pm | Warta Berita |
| 8.45 pm | Selayang Pandang |
| 9.15 pm | Kojak—"Bad Dude" |
| 10.05 pm | Baa Baa Blacksheep "One Small War" |
| 11.00 pm | Close Down. |



**Margaret Rutherford, one of the stars of the Saturday Movie, "The Mouse On The Moon", at 10.20 p.m.**

# BIASISWA SHELL KPD. LEPASAN IJAZAH

**SERIA.—Sharikat Minyak Shell Antarabangsa akan memberikan dua hadiah biasiswa kapada anak2 Brunei lepasan ijazah bahagian kejuruteraan hingga sarjana kejuruteraan atau sarjana sains yang akan bermula pada bulan Ogos 1977 atau Januari 1978, akan datang.**

Menurut pehak Sharikat Minyak Shell bahawa biasiswa tersebut akan di-adakan di-Institiut Teknik Asia, Bangkok, Thailand. Dan Institiut itu ada-lah sa-buah badan anatonumi, badan ijazah antarabangsa yang mempunyai Lembaga Amanah antarabangsa, fakulti antarabangsa yang mempunyai penuntut-nya dari 20 buah negara di-Asia.

Kata-nya, kursus ijazah sarjana akan mengambil masa sa-lama 20 bulan. Penuntut2 yang betul2 berkelayakan akan di-bolehkan menghabiskan-nya dalam masa 4 bulan.

Ada-lah di-fahamkan, biasiswa tersebut berjumlah sabanyak US$10,000 dan termasok perbelanjaan pengajian, yuran, buku2 teks dan tiket2 pergi dan balek.

Bagi mendapatkan penerangan dan borang2 permohonan, pemohon2 yang berhajat hendak-lah berhubong dengan: Recruitment Divisional — Personal Planning Department, BSP Co. Ltd., Seria. Tarikh permohonan di-tutop ia-lah pada 25hb Februari ini.

## *3 terbunoh*

TUTONG. — Dua orang kanak2 dan sa-orang ibu telah terbunoh dalam satu lagi kemalangan jalanraya Brunei. Tiga orang lain telah juga chedera parah.

Kemalangan itu berlaku pagi Sabtu lepas di-Batu 15 Jalan Tutong apabila dua buah kereta berlanggar.

Kanak2 yang terbunuh itu ia-lah Dayang Adi binte Wahab berumur lima tahun dan Dayang Azimah binte Buyong berumur empat tahun.

Mereka telah terbunuh serta merta, sementara ibu Dayang Azimah, Dayang Tampoi binte Karim meninggal dunia di-hospital besar Bandar Seri Begawan.

Kemalangan hari itu menjadikan bilangan yang terbunoh tahun ini kapada lapan orang.

## *Mashuarat agong Pertiwi*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubohan Pertiwi akan mengadakan mashuarat agong tahunan-nya kali yang kedelapan pada hari Ahad, 20hb Februari depan bertempat di-Dewan Pusat Belia disini.

Mashuarat tersebut yang akan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masnah pada kira2 pukol 9.00 pagi itu akan juga di-hadhiri oleh semua ahli2 Pertiwi seluroh negeri.

Ia-nya juga akan membinchangkan beberapa ajenda termasok perlantekan ahli2 jawatankuasa kerja yang baru bagi tahun 1977/78 dan menentukan beberapa projek tahunan bagi tahun 1977.

### Dari muka 1

Sebarang orang boleh membantah kapada pembuatan Perentah yang di-chadangkan itu dengan memberikan kenyataan sa-chara bertulis kapada Lembaga Kemajuan konomi pada sa-belum 13hb March, 1977 bagi bantahan2-nya dan bagi sebab2 yang mana dia perchaya dapat menyukong-nya.



# KEBAKARAN YANG TERBESAR BAGI BANGUNAN KEDAI

**BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-deret kedai lapan pintu di-Jalan Sultan di-sini telah musnah di-jilat api dalam satu kejadian kebakaran yang berlaku pada suboh Jumaat, 11hb Februari lepas.**

Kebakaran yang di-anggap sa-bagai yang terbesar pernah berlaku di-negeri ini telah di-laporkan bermula dari salah sa-buah deretan kedai tersebut.

Penyiasatan2 untok mengetahui puncha kebakaran itu maseh lagi di-teruskan dan satu laporan menyatakan bahawa kerugian akibat kebakaran itu di-anggarkan lebeh dari empat juta ringgit.

Kedai2 tersebut yang antara-nya mengandongi dua buah kedai makan dan minum, alat2 perabot, tukang jahit, alat2 ganti kereta, alat2 rumah dan barang2 keperluan harian telah hampir ranap di-jilat api dan bumbong bangunan deretan kedai itu telah runtoh.

Pasokan Bomba sa-telah menerima panggilan pada pukol 4.16 minit pagi tidak dapat mengatasi kebakaran itu tetapi berjaya mengawal-nya dari merebak ka-lain2 deretan kedai yang berdekatan. Api kebakaran itu telah dapat di-padamkan dalam masa kira2 dua jam, tetapi kepulan2 asap tebal maseh dapat di-lihat sa-hingga keesokan hari-nya.

Kebakaran itu di-laporkan berlaku dari salah sa-buah kedai sa-deret itu dan hanya dalam beberapa minit saja ia-nya merebak ka-kedai2 disebelah-nya. Anggota2 Pulis dan Bomba dengan sadaya upaya telah berjaya menyelamatkan kira2 30 orang penghuni di-belok bangunan kedai2 tersebut serta bertindak masok ka-dalam sa-buah setor untok memindahkan kira2 40 biji tong gas dari api kebakaran.

Beberapa minit kemudian, letupan2 dari tong2 gas yang tidak dapat di-selamatkan dari bangunan itu telah menggegarkan Bandar Seri Begawan dan dapat didengar hingga ka-kawasan Muara dan Berakas. Akibat dari letupan2 yang kuat itu telah memechahkan tingkap2 dan chermin2 bangunan kedai tersebut dan sa-bahagian dari serpihan tong2 gas itu telah melayang ka-udara dan jatoh menembusi bumbong kedai yang lain dan beberapa buah rumah di-Kampong Ayer.

Beratus2 orang yang berkerumun di-jalan2 raya untok menyaksikan kebakaran yang besar itu telah lari menyelamatkan diri apabila api dari bahagian tengah bangunan kedai itu menjulang ka-udara.

Anggota Pasokan Polis Simpanan juga telah di-kerah untok membantu mengawal kumpulan orang ramai, sementara anggota Pasokan Pancharagam Polis Diraja mengawal dari berlaku-nya sebarang kejadian kechurian.

Pasokan2 Bomba dari Tutong, Muara, Sungai Lampai dan Berakas Kem telah dipanggil untok membantu memadamkan api kebakaran itu dan beberapa orang anggota2 bomba yang tidak bertugas telah turut sama keluar untok menyumbangkan khidmat mereka.

Alat2 pernafasan untok bertindak sa-chara dekat telah juga di-pergunakan, tetapi anggota2 bomba itu terpaksa berundur apabila banyak lagi tong2 gas meletup.

Sa-buah tong gas telah terhumban sa-jauh kira2 500 ela dan terjatoh di-kawasan Kampong Ayer, sementara yang lain-nya terhumban dan jatoh di-atas bumbong sabuah super market yang berdekatan.

Bagaimana pun tidak ada kemalangan jiwa berlaku, tetapi empat orang ahli bomba di-laporkan chedera dalam gerakan memadamkan api kebakaran yang besar itu.

# KURSUS2 DI-PUSAT LATEHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti kursus2 yang tersebut di-bawah di-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan sharat2 di-bawah ini akan di-pertimbangkan :

Kursus2 itu ia-lah bagi Kursus Tenunan (perempuan); Kursus Pertukangan Perak (lelaki); Kursus Pertukangan Tembaga (lelaki); Kursus Anyaman (perempuan).

Kelayakan2 pemohon hendaklah lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus dalam mata2 pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.

Pemohon2 hendak-lah terdiri daripada raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, berumor di-antara 17 hingga 25 tahun.

Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga dan yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus pepereksaan doktor.

Satu Perjanjian akan di-kenakan kapada sa-tiap pemohon yang berjaya dalam masa mengikuti kursus ini dengan sharat, "mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar balek dengan sa-penoh-nya semua perbelanjaan2, jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan".

Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sa-hingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua (2) tahun, dan apabila mendapat kemahiran pelateh2 akan di-kehendaki menjadikan pertukangan ini sa-bagai salah satu mata pencharian mereka.

Alaon dan lain2 kemudahan: Sa-masa dalam latehan pemohon2 yang berjaya akan di-beri alaon sa-banyak $200 sa-bulan, serta 10 peratus untong berseh daripada harga hasil2 mereka yang di-beri oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

Tempat tinggal, kenderaan dan lain2 lagi tidak di-sediakan kapada pemohon2 yang berjaya.

Permohonan2 hendak-lah dibuat dalam borang yang boleh didapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu, Brunei pada bila2 masa waktu pejabat di-buka, dan hendak-lah di-kembalikan dan sampai kapada Pengarah Muzium2, Brunei sa-lewat2-nya pada 18hb Mach, 1977.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.